



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISU PENARIKAN SEMULA PRODUK SOS PASTA BERKRIM CARBONARA CENDAWAN BERJENAMA PREGO YANG DIDAPATI TELAH ROSAK

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum isu penarikan semula produk sos pasta berkrim carbonara cendawan berjenama Prego keluaran Malaysia kerana terdapat tanda-tanda kerosakan seperti bau yang tidak menyenangkan, warna berubah, rupa berair dan lapisan cecair yang terpisah.

KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan turut menerima notifikasi dari syarikat Campbell Cheong Chan (M) Sdn. Bhd. yang mengesahkan produk tersebut turut dijual di Malaysia. Pihak syarikat telah mengenalpasti punca kerosakan produk tersebut disebabkan kesilapan semasa pemprosesan dan sedang dalam proses penarikan balik produk terlibat di pasaran secara sukarela.

Produk yang terlibat dalam penarikan balik adalah **Prego Sos Pasta Berkrim Carbonara Cendawan (665 gram)** dengan nombor *batch* **2022081716** bertarikh luput **17 Ogos 2023** dan kod masa **22:18 hingga 23:20**.

Dalam hal ini, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan sedang memantau proses penarikan balik produk berkenaan.

Sehubungan itu, penjual hendaklah menghentikan penjualan produk terlibat dengan serta-merta. Manakala pengguna yang telah membeli hendaklah tidak memakan produk tersebut dan bagi yang telah mengambilnya dinasihatkan berjumpa pegawai perubatan sekiranya berasa tidak sihat atau mengalami gejala keracunan makanan.

Orang ramai disarankan mengamalkan Lihat, Hidu dan Rasa bagi mencegah kejadian keracunan makanan. KKM sentiasa peka dan prihatin ke atas perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sebarang maklumat atau kemusykilan berhubung isu ini, pengguna boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat, menyalurkan melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau laman facebook rasmi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di www.facebook.com/bkkmhq

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

23 DISEMBER 2022

**ISU PENARIKAN SEMULA PRODUK SOS PASTA BERKRIM
CARBONARA CENDAWAN BERJENAMA PREGO YANG DIDAPATI
TELAH ROSAK**

MAKLUMAT PRODUK:

Nama Produk	:	<i>Prego Sos Pasta Berkrim Carbonara Cendawan</i>
Gambar Produk	:	
Jenama / Nama Dagangan	:	Prego
Jenis Pembungkus	:	Botol kaca
Berat	:	665 gram
No. Batch	:	2022081716
Negara Pengeluar	:	Malaysia
Tarikh Pengeluaran	:	17.08.2022
Kod Masa (Pada Penutup)	:	22:18 hingga 23:20
Tarikh Luput	:	17.08.2023